

Mahathir: Rakyat juga mesti bekerja keras

PULAU PINANG, 20 Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata seruan beliau supaya bekerja keras bukan sahaja ditujukan kepada kakitangan kerajaan malah kepada setiap rakyat di negara ini.

Katanya, "Kita semua mesti bekerja rajin walaupun seorang itu bekerja sebagai pemotong rumput."

"Apa yang penting kita mestilah bekerja kuat, tekun dan jujur barulah hasilnya dapat dinikmati."

Menurut Perdana Menteri, permulaan kerja pada pukul lapan pagi seperti yang ditekankan oleh pentadbirannya kepada kakitangan kerajaan juga ditujukan kepada setiap rakyat.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan ini di majlis jamuan teh rakyat yang diberikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu di kediaman rasminya di

sini petang ini.

Beliau menasihatkan kakitangan kerajaan dan setiap pekerja bukan kerajaan supaya jangan mencuri masa semasa bekerja kerana ini bukan sahaja merugikan negara malah merugikan diri sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata, semua rancangan pembangunan kerajaan bagi meninggikan taraf ekonomi rakyat tidak akan tercapai sepenuhnya jika rakyat tidak turut sama melibatkan diri.

"Sebab itulah saya sering menekan betapa rakyat dari semua kaum tanpa mengira profesion seseorang itu supaya berganding bahu antara satu sama lain bagi mencapai objektif tersebut."

Dalam hubungan ini juga kata Datuk Sri Dr. Mahathir kerajaan memerlukan perubahan sikap dari rakyat untuk memastikan segala rancangan pembangunan yang dijalankan mencapai kejayaan.

Ini tambah beliau termasuk usaha kerajaan

untuk membasmi kan kemiskinan. "Saya menyatak an ini kerana negara kita kaya dengan sumber-sumber aslinya dan apa jua kita tanam akan membawa hasil yang baik."

"Setakat ini belum ada di antara rakyat kita mati kebuluran kerana tidak cukup makan," tambah beliau.

Mengenai projek pembangunan di negeri ini Perdana Menteri berkata, Pulau Pinang mempunyai masa depan yang cerah, kerana ramai pekerja dalam bidang ekonominya memandangkan semakin ramai telah berhijrah ke sini kerana peluang pekerjaan terbuka luas.

Perdana Menteri memuji kerajaan negeri kerana projek-projek pembangunannya berjalan dengan teratur.

Beliau juga menarik perhatian jambatan berharga lebih \$700 juta yang menghubungi Pulau Pinang dengan Tanah Besar adalah satu projek yang akan membawa rahmat kepada rakyat negeri ini.